

**AGENSI TERLIBAT DALAM MEMBANTU PROSES PENSIJILAN HALAL  
BERSAMA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

**NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM**

[nurzulfah@kuis.edu.my](mailto:nurzulfah@kuis.edu.my)

Jabatan Undang-undang,  
Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

**ABSTRAK**

Industri halal merupakan satu industri yang sangat luas dan berpotensi untuk dikembangkan. Berdasarkan ruang lingkup persekitaran industri halal, Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan yang signifikan dalam usaha menggalakkan pertumbuhan industri ini secara menyeluruh. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan agensi utama dalam mendokong perkembangan industri halal di Malaysia. JAKIM bertanggungjawab dalam mengeluarkan pensijilan halal merujuk kepada permohonan yang dibuat. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa prosedur yang perlu ditelusi oleh JAKIM sebelum meluluskan permohonan tersebut. Bidang tugas Pegawai JAKIM yang terhad dan tiada kepakaran dalam isu tertentu menyebabkan JAKIM perlu bekerjasama dengan agensi-agensi lain dalam meluluskan tiap permohonan yang dibuat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti organisasi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung begitu juga dengan fungsinya sama ada berperanan sebagai penggubal polisi, pengawal selia dan bahagian kepentingan yang lain. Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan metod temubual dan kepustakaan. Hasil kajian mendapati industri halal Malaysia berkembang baik dengan penglibatan beberapa agensi membantu JAKIM sehingga membolehkan isu-isu halal melibatkan pengguna Muslim terpelihara kebajikannya. Namun, wujud juga kekangan dan cabaran sepanjang proses mengeluarkan sijil halal ekoran dari beberapa faktor tertentu.

**Kata kunci:** Industri Halal, Halal, JAKIM, Agensi.

## PENGENALAN

Dalam perbendaharaan al-Quran, saranan untuk memilih makanan yang jelas di nukilkan beberapa kali di dalamnya sama ada dari segi konsep, kriteria dan contoh berkaitan halalan dan tayyiban. Allah SWT berfirman:

يَا يَاهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالٌ طَيِّبٌ وَلَا تَتَّبِعُو أُخْطُوتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ١٦٨

Terjemahan: Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah setan; karena sesungguhnya setan itu adalah musuh yang nyata bagimu. (Al-Baqarah ayat 168)

Dalam surah yang lain Allah SWT juga berfirman;

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُ اللَّهُ حَلَالٌ طَيِّبٌ وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْתُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ ١١٤

Terjemahan; Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata.

Jelas daripada ayat-ayat tersebut, aspek pemakanan diberi penekanan oleh al-Quran. Ini kerana implikasinya amat besar sama ada dari segi tingkah laku, psikologi, malah perundangan Islam. Makanan yang haram dapat melahirkan tingkah laku yang buas, sikap yang dayus. Malah makanan atau minuman haram diperuntukkan hukuman had seperti meminum arak (Che Wan Jasimah, 2001).

Oleh yang demikian, demi memastikan produk-produk halal dapat dikeluarkan, maka agensi-agensi pembangunan industri halal ditubuhkan oleh pihak Kerajaan bagi membantu memastikan perkembangan produk halal dikeluarkan dengan baik dan menepati kehendak Islam serta *maslahah* pengguna.

Halal Industry Development Corporation (HDC) menyenaraikan halal adalah merangkumi barang pengguna, kewangan, farmaseutikal, kosmetik, logistik dan pelancongan halal. Ini menjelaskan konsep halal haruslah merangkumi kesemua aspek kehidupan daripada makanan dan minuman, kepada sumber pendapatan dan juga barang yang digunakan (Farah, Norazla, Syaripah & Marliana, 2015).

Selain itu, pembangunan industri halal di Malaysia juga disokong oleh beberapa agensi kerajaan lain yang bekerjasama dan menyokong peranan yang dimainkan oleh JAKIM dan HDC. Agensi-agensi kerajaan lain yang turut bekerjasama dalam menguatkuasakan undang-undang halal seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Zulkifli, 2007). Tindakan proaktif dan berwawasan yang diambil oleh kerajaan Malaysia seperti inilah yang membezakan Malaysia

daripada negara lain dan membolehkan Malaysia menjadi pemain utama dalam industri halal global (Farah, Norazla, Syaripah & Marliana, 2015).

## **DEFINISI HALAL**

Yusuf Qaradhawi, mengatakan bahawa halal merujuk kepada sesuatu yang dibolehkan, yang tiada ikatan larangan padanya, dan diharuskan dari sudut syara' untuk melakukannya. (Al-Qaradhawi, 1994).

Halal merupakan kata nama bahasa Arab. Kata dasar *halla*, *yahillu*, *hillan* yang membawa erti membebaskan, melepaskan, memecahkan, membubarkan dan membolehkan (Abdul Aziz et al., 1997). Terma halal berlawanan dengan haram (Wizarah al-Awqaf, 1990), atau terkeluar daripada sesuatu yang haram (Ibn Manzur, t.t. & al-Masih, 1993).

Menurut Kamus Dewan (2005), halal didefinisikan sebagai hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam), diperboleh (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan, dibenarkan. Aspek istilah pula, halal bererti dibolehkan, manakala haram pula sesuatu yang dilarang (Qal'ahji, 1996; Ibn Manzur, t.t.; al-Amidi, 1980). Selain itu, halal menurut al-Qaradhawi (1994), sesuatu yang diharuskan, yang tiada ikatan larangan padanya dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya. Secara jelasnya, halal ialah sesuatu yang bersifat harus dan diizinkan syarak (Wizarah al-Awqaf, 1990). Al-Ghazali (2000) dan al-Qaradhawi (2002) turut menjelaskan maksud halal, iaitu merangkumi semua sumber utama makanan manusia sama ada daripada haiwan, tumbuhan, bahan semula jadi, bahan kimia dan mikroorganisma yang terkandung hukum antara halal dan haram.

Perbahasan halal dan haram turut melibatkan produk berunsur bioteknologi dalam makanan dan barang kegunaan lain, seperti pakaian, peralatan dan kosmetik. Berpandukan definisi bahasa dan istilah tersebut, dapat dirumuskan bahawa halal merujuk sesuatu yang bersifat harus hukumnya di sisi syarak untuk manusia makan, guna, bermuamalah dan sebagainya. Sehubungan itu, istilah halal juga diungkapkan dengan istilah lain dalam al-Quran seperti *al-toyyibat* – yang baik (Surah ali-Imran 3:179), *mubahish* – yang dibolehkan (Surah al-Maidah 5:100), *jawaz* – boleh (Surah al-Nisa' 4:2) dan *ihsan* – baik (Surah al-A'raf 7:157) (Harlida & Alias, 2014)

Dari tafsiran undang-undang, perundangan utama berkaitan halal di Malaysia, Akta Perihal Dagangan 2011 tidak mengandungi sebarang peruntukan yang memberikan definisi khusus untuk Halal tetapi perundangan subsidiari di bawah Akta tersebut, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 ada mengandungi peruntukan berkaitan dengan takrifan halal di mana mendefinisikan produk halal sebagai tidak mengandungi bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang atau tidak disembelih mengikut hukum syarak dan fatwa, tidak mengandungi najis, tidak memabukkan, tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia, tidak beracun atau memudaratkan kesihatan, tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatanyang dicemari najis, dan tidak bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa yang tidak halal ketika penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan produk tersebut. Takrifan ini menepati konsep *halalan tayyiban* dan syariat Islam (Harlida & Alias, 2014).

## **PENSIJILAN HALAL**

Isu semasa yang berterusan di Malaysia adalah mengenai halal dan pensijilan halal. Sejauh manakah sesuatu dianggap halal dan bagaimanakah sijil halal di Malaysia dikawal dan diselia? Mengenai soalan pertama, laman web Kerajaan Malaysia telah menyediakan penerangan ringkas mengenai jenis makanan halal, dimana semua makanan dianggap halal kecuali perkara-perkara berikut (<http://www.fama.gov.my-pengenalan dan definisi halal, 20 Oktober 2019>);

- i. Daging dan produk babi.
- ii. Haiwan yang tidak disembelih dengan sempurna atau mati sebelum penyembelihan.
- iii. Haiwan yang tidak disembelih atas nama Allah.
- iv. Alkohol dan semua bentuk minuman yang memabukkan dan berbahaya.
- v. Haiwan karnivor, burung pemangsa dan haiwan darat tanpa telinga luar.
- vi. Perosak seperti tikus, lipan, kala jengking dan haiwan lain yang serupa dengannya.
- vii. Haiwan yang dilarang dibunuh dalam Islam, contohnya semut, lebah, labah-labah dan burung belatuk.
- viii. Haiwan yang dianggap menjijikkan seperti kutu, lalat, ulat dan haiwan lain yang serupa dengannya.
- ix. Haiwan yang hidup di darat dan di air seperti katak, buaya dan haiwan lain yang serupa dengannya.
- x. Darah dan produk darah.
- xi. Makanan dan minuman yang mengandungi mana-mana bahan-bahan yang haram di atas atau dicemari melalui sentuhan dengan mana-mana produk di atas.

Menurut Perintah Takrif Halal (Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011) apabila suatu makanan atau barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu;

- a) tidak terdiri daripada atau tidak mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang dilarang hukum syarak dan fatwa atau tidak disembelih mengikut hukum syarak dan fatwa;
- b) tidak mengandungi unsur najis mengikut hukum syarak dan fatwa;
- c) tidak memabukkan mengikut hukum syarak dan fatwa;
- d) tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan hukum syarak dan fatwa;
- e) tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
- f) tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak dan fatwa;
- g) tidak dalam masa penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi syarat (a) dan (b).

## **PERANAN AGENSI KERAJAAN DALAM INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA**

Pensijilan halal di Malaysia bermula pada tahun 1974, apabila Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan surat pengesahan halal kepada produk-produk yang memenuhi keperluan syarak. Pada tahun 1994, Pengesahan halal diberi dalam bentuk sijil dan mempunyai logo halal dari BAHEIS. Kemudian bermula pada

tahun 1998, Kerajaan Malaysia melantik Syarikat Ilham Daya untuk menjalankan pemeriksaan halal manakala, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan sijil pengesahan halal. Tahun 2008, pengurusan industri halal di Malaysia dikendalikan oleh Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd. Walaubagaimanapun, pada 1 Ogos 2019, tanggungjawab pengeluaran pensijilan halal telah secara rasminya dikembalikan kepada JAKIM. Disebabkan hal ini, Akta Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1972 telah dipindah untuk menamakan JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai badan pengeluaran tunggal pensijilan halal di Malaysia. Seterusnya, berkuatkuasa 1 Januari 2012, hanya logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM, MAIN dan JAIN sahaja diterima pakai dan sah digunakan untuk semua produk, premis makanan dan perkhidmatan premis yang memohon pensijilan halal di Malaysia (Focus Group Pengurusan Pensijilan Halal, 2012)

Antara agensi-agensi lain yang turut memainkan peranan dalam industri Halal Malaysia ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI), Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Setiap agensi ini mempunyai peranannya sendiri dalam membangunkan industri Halal.

Penglibatan begitu ramai agensi yang berbeza dalam menjayakan industri ini adalah disebabkan skop industri Halal yang sangat luas di mana pertindanan bidang kuasa tidak dapat dielakkan. Selain itu, ketiadaan satu perundangan tunggal yang secara khususnya mengawal selia industri ini secara menyeluruh juga memainkan peranan dalam penglibatan pelbagai agensi kerajaan. Terdapat beberapa perundangan yang berkaitan pemeriksaan dan penguatkuasaan Halal di Malaysia seperti Akta Perihal Dagangan 2011, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011(Semakan Kedua)/Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga), Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, *Animal Rules 1962*, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993, Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran), 1983, Akta Kastam 1967 (Larangan Mengenai Import 1998), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang- undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Akta/ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Akta Cap Dagangan 1976. Perundangan-perundangan yang disenaraikan ini memberikan autoriti kepada agensi yang berbeza mengikut skop tugas dan bidang kausa tertentu (Portal Halal JAKIM, 19 Oktober 2019)

## **PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG HALAL**

Agensi penguatkuasa adalah terdiri daripada KPDKKK, JAKIM, JAIN, KKM, JPV, KDRM dan PBT. Mereka perlu meningkatkan persefahaman dan kerjasama dalam penguatkuasaan halal berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing. Sistem perundangan kawalan halal di setiap peringkat perlu dimantapkan dengan mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku badan Kerajaan yang memberi fokus kepada aspek penguatkuasaan undang-undang berkaitan halal. Badan ini diberikan amanah sebagai badan pengawal piawaian halal semenjak Ogos 2009. Penglibatan JAKIM dalam memberi pengesahan status halal kepada produk makanan dan barang gunaan Islam di negara ini bermula sejak 1974. Berikutan perkembangan pesat industri makanan di negara ini

dan keperluan semasa umat Islam, maka berlaku pelbagai perubahan polisi dan dasar tentang fungsi dan bidang kuasa penguatkuasa halal.

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) menerusi Kluster Ekonomi Islam dan Pengurusan Halal (KEHA) telah mengadakan Kursus Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal pada 21 dan 22 Februari 2018 bertempat di Bilik Kuliah Ibnu Sina, Aras 1, Blok Akademik B, ILIM yang melibatkan seramai 21 orang peserta terdiri dari pegawai yang terlibat dalam pengurusan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (<http://www.islam.gov.my/berita-semasa/28-institut-latihan-islam-malaysia/1352-perkasa-penguatkuasaan-halal-di-malaysia>, 20 Oktober 2019). Kursus ini semata-mata bertujuan untuk memantapkan penguatkuasaan industri halal di Malaysia disamping memperkasakan tugas pegawa-pegawai sedia ada dalam menguatkuasakan undang-undang yang terpakai (Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmud. 2012).

## **PERANAN JABATAN STANDARD MALAYSIA**

JAKIM turut bekerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia yang bertanggungjawab membangunkan standard untuk makanan halal seperti ‘Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS 1500:2009). Standard ini mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri makanan seperti penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambah nutrien). Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan di Malaysia bagi proses pensijilan halal.

Terdapat beberapa standard berkaitan Halal seperti Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS 1500:2009), MS 2200: 2012 Barang Gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan - Garis Panduan Umum, MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam - Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri - Garis Panduan Umum, *MS2424:2012: Halal Pharmaceuticals – General Guidelines*, *MS2400 -1: 2010 Halalan – Toyyiban Assurance Pipeline – Part 1: Management System Requirements for Transportation of Goods And/ or Cargo Chain Services*. dan *MS 2400 -2:2010 Halalan – Toyyiban Assurance Pipeline – Part 2: Management System Requirements for Warehousing and Related Activities*.

## **PERANAN JABATAN VETERINAR**

Jabatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terlibat dengan pensijilan halal khususnya untuk daging import. Ini kerana, telah menjadi syarat bahawa rumah sembelihan di luar negara perlu mendapat pengiktirafan untuk mengimport daging ke Malaysia. Rumah sembelihan ini akan dilawati oleh tiga orang pegawai daripada Malaysia. Mereka ialah pegawai daripada Jabatan Veterinar yang akan memeriksa keadaan haiwan ternakan tersebut, pegawai daripada KKM yang akan memeriksa keselamatan makanan haiwan ternakan dan pegawai daripada JAKIM yang akan memastikan bahawa prosedur penyembelihan adalah mengikut hukum syarak. Setelah mendapat pengesahan daripada ketiga pihak ini barulah semua daging atau produk tenusu yang diimport ke Malaysia secara

sah adalah diiktiraf sebagai halal. Ini adalah selari dengan syarat yang terkandung dalam Akta Binatang 1953 (semakan 2006).

## **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

KKM adalah salah satu agensi kerajaan yang banyak berkerjasama dengan JAKIM dalam urusan pensijilan halal tempatan dan luar negeri. Selain daripada terlibat dalam pentaulahan badan Islam luar negara, KKM turut memainkan peranan untuk mengesahkan keselamatan produk makanan, suplemen dan juga perubatan. Di bawah Akta Makanan 1983, dan peraturan-peraturan di bawah Akta ini, ada mengandungi peruntukan berhubung perlabelan, amalan kebersihan dan keselamatan makanan. Hanya setelah mendapat pengesahan daripada KKM, maka sesuatu produk itu boleh dipertimbangkan untuk pensijilan halal. Syarat ini terpakai untuk sebarang produk makanan dan suplemen kesihatan. Seksyen 16 menyatakan hukuman bagi kesalahan menyediakan, membungkus, melabel, menjual mana-mana makanan yang salah, mengelirukan serta terdapat unsur-unsur penipuan dari segi aspek karakternya, nilai, kandungan, kualiti, keselamatan, keaslian, berat dan lain-lain. Hukuman yang diperlukan jika sabit kesalahan ialah penjara tidak lebih tiga tahun dan denda atau kedua-duanya.

Selain daripada itu, Mahkamah boleh membatalkan lesen perniagaan pesalah di bawah seksyen 8. Mahkamah juga berhak mengeluarkan perintah untuk merampas atau melupuskan makanan terlibat sekiranya didapati makanan berada dalam pemilikan tertuduh. Peraturan Makanan 1985 Bahagian IV di bawah akta ini memperlukan perkara berkaitan pelabelan termasuk bahasa yang digunakan, butiran, bentuk, cara penandaan, tarikh, pernyataan ramuan, pembungkus dan lain-lain. Selain itu, KKM juga memainkan peranan dalam mengesahkan keselamatan rumah sembelih luar negara yang memohon pengiktirafan pensijilan Halal luar Negara (Zulkifli Hassan, 2017).

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 November 2011 telah bersetuju bahawa Kementerian Kesihatan merupakan *Competent Authority* dalam keselamatan makanan di sepanjang rantaian bekalan makanan.

## **Biro Kawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPKF)**

Biro Kawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPKF), dahulunya dikenali sebagai Makmal Kawalan Farmaseutikal Kebangsaan, ditubuhkan pada Oktober 1978 di bawah aktiviti kawalan kualiti Farmasi dan Program Bekalan. Institusi ini telah ditubuhkan untuk melaksanakan kawalan kualiti ke atas produk farmaseutikal. Infrastruktur dan kemudahan telah direka untuk memenuhi keperluan untuk ujian dan aktiviti kawalan kualiti. Bermula tahun 1985, BPKF telah diberi tugas memastikan kualiti, keberkesan dan keselamatan produk farmaseutikal melalui pendaftaran dan skim pelesenan. Ini dicapai melalui penilaian data saintifik dan ujian makmal ke atas semua produk sebelum mereka dipasarkan. Satu sistem untuk memantau produk di pasaran telah diwujudkan.

Maklumat mengenai dadah kepada profesion perubatan dan pengguna telah disediakan melalui perkhidmatan maklumat dadah. Objektif Biro ini adalah untuk memastikan bahawa bahan-bahan terapeutik yang diluluskan untuk pasaran tempatan adalah selamat, berkesan dan berkualiti dan juga untuk memastikan bahawa produk kosmetik yang diluluskan adalah selamat

dan berkualiti. Biro ini turut menguatkuaskan konsep *Halalan & Toyyiban* melalui Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dengan kerjasama JAKIM. PBKD merupakan badan eksekutif yang ditubuhkan di bawah Akta Kawalan Dadah dan Kosmetik Peraturan 1984. Tugas utama Lembaga ini adalah untuk memastikan keselamatan, kualiti dan keberkesanannya farmaseutikal, kesihatan dan produk penjagaan peribadi yang dipasarkan di Malaysia selaras dengan konsep *toyib* yang dikuatkuaskan bersama JAKIM. Kuasa perundangan yang terdapat di bawah Biro ini adalah;

- i. Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956 pindaan 1983;
- ii. Akta Racun 1952 (pindaan 1989);
- iii. Akta Jualan Dadah 1952 (pindaan 1989);
- iv. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan Peraturan-peraturan; dan
- v. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

Biro ini mengeluarkan tag hologram bagi produk-produk yang telah mendapat kelulusan PBKD. Walau bagaimanapun, sebelum tag hologram ini dikeluarkan, produk perlulah didaftarkan di bawah PBKD dan menjalani audit halal yang dikendalikan oleh JAKIM. Selepas itu, terpulang kepada pertimbangan pihak JAKIM sama ada untuk mengeluarkan sijil halal atau membatkalkannya.

#### **Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) (Nor Arfah & Jasri, 2017).**

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) ditubuhkan bagi memantapkan aktiviti merancang, melaksana, memantau dan menilai Program Keselamatan dan Kualiti Makanan bagi melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyimpanan, penyediaan, pemprosesan pembungkusan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan makanan; serta memudahkan perdagangan makanan.

Bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk merancang, melaksana, memantau dan menilai Program Keselamatan dan Kualiti Makanan yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan, peringkat negeri, daerah, pintu masuk dan pihak berkuasa tempatan. Program Keselamatan dan Kualiti Makanan adalah bertujuan untuk melindungi orang ramai daripada bahaya-bahaya kesihatan daripada makanan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan;

- i. memastikan penyediaan, penjualan dan penyimpanan semua bahan makanan adalah bersih dan selamat serta mematuhi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009;
- ii. memastikan supaya semua bahan makanan yang dijual adalah:
  - a. bebas daripada pencemaran dan penambahan aditif makanan yang tidak diperlukan dan bertujuan penipuan;
  - b. mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditetapkan; dan
  - c. dilabel dan diiklan dengan mencukupi serta memberi gambaran sebenar mengenai kandungan makanan tersebut.
  - d. memastikan semua bahan makanan yang diimport ke negara ini adalah
  - e. selamat dan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985;

- f. memastikan makanan yang dieksport oleh negara ini mematuhi perundangan-perundangan yang dikehendaki oleh negara pengimport dan mematuhi Peraturan-Peraturan Makanan (Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Eksport Ikan dan Keluaran Ikan ke Kesatuan Eropah) 2009 bagi eksport ikan dan keluaran ikan ke pasaran EU; dan
- g. memastikan orang ramai menerima maklumat yang tepat mengenai aspek keselamatan makanan dan kebersihan makanan.

Selain itu, Pegawai Teknologi Makanan juga bertanggungjawab mengawasi status kebersihan, keselamatan pengeluaran makanan di peringkat negeri, membantu dalam perancangan, penyelarasan dan penilaian ke atas pendidikan industri makanan dan pendidikan pengguna, memberi sokongan teknik mengenai aspek teknologi makanan dalam perancangan, pelaksanaan perundangan, latihan dan lain-lain keperluan. Akta yang berkaitan dengan tugas PTM ini adalah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 berhubung perlabelan, amalan kebersihan dan keselamatan makanan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

### **PERANAN JABATAN KASTAM DI RAJA MALAYSIA (KDRM)**

Akta Kastam 1967 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1988 telah memberi kuasa kepada Kastam Diraja Malaysia berhubung isu pengimportan dan kemasukan produk halal daripada luar Negara. Pihak KDRM memainkan peranan dalam penguatkuasaan Halal sebagai satu 'cross border agency' bagi kemasukan barang-barang ke Malaysia dari luar negara dan sebaliknya dimana ia menjalankan tugas-tugas bersama jabatan lain seperti Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan JAKIM sendiri. (Farah, Norazla, Syaripah & Marlina, 2015)

Usaha kerjasama di antara JAKIM dan KDRM dalam pengendalian tugas-tugas yang berkaitan di pelabuhan antaranya seperti memeriksa dan mengesahkan butiran mengenai pengesahan halal oleh badan-badan Islam yang diiktiraf bagi kemasukan daging, memeriksa dan memantau semua daging dan produk berasaskan daging yang memasuki negara ini bagi memastikan sememangnya halal. KDRM juga membantu dengan menyediakan latihan yang bersesuaian latihan kepada pegawai-pegawai JAKIM sebelum dihantar untuk bertugas di pelabuhan-pelabuhan yang telah ditetapkan.

### **PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Pihak PBT seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Daerah dan sebagainya memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan pensijilan Halal di Malaysia. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan seperti Peraturan Premis Makanan serta Pelesenan Perniagaan dan Pengiklanan, bidang kuasa diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan kebersihan premis makanan. Setiap peniaga harus memastikan premis dan makanan yang dijual adalah bersih. Secara tidak langsung pihak berkuasa tempatan dapat membantu mempromosikan kebaikan-kebaikan produk halal yang sepatutnya merangkumi aspek kesihatan (healthy), kebersihan & keselamatan (clean & safe- hygiene), berkhasiat (nutritious) dan berkualiti (quality) (Farah, Norazla, Syaripah & Marlina, 2015)

### **KESIMPULAN**

Secara ringkas, konsep halal dari sudut syariah merangkumi maksud halalan tayyiban kerana kehalalan produk makanan semata-mata tidak memadai sebaliknya perlu meliputi aspek “baik” (tayyib) yakni bersih, suci, selamat dan berkualiti. Oleh sebab penghasilan sesuatu produk makanan merangkumi proses tertentu, bermula daripada peringkat pemilihan, penyediaan bahan, pengilangan, pengeluaran, penyimpanan, pemindahan, pengedaran sehingga tahap produk tersebut disajikan kepada pengguna, maka “halal” hendaklah meliputi seluruh rangkaian bermula daripada sumbernya. Konsep ini apabila dikaitkan dengan perundangan di Malaysia, dapat memenuhi kerangka undang-undang sedia ada berdasarkan dua undang-undang utama, iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 melalui dua Perintah berkaitan dengan halal, dan Akta Makanan 1983 yang menekankan aspek kebersihan. Disebabkan oleh hal-hal wujudnya agensi-agensi kerjasama JAKIM dalam membantu mengurus tadbir industri halal di Malaysia. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan perlu sentiasa peka terhadap hal semasa dalam mentadbir isu-isu halal di Malaysia. Senario kini, walaupun wujudnya industry-industri yang mengurus tadbir pegurusan halal di Malaysia, namun kadang-kadang masih terjadi keraguan dan tanda tanya berkenaan beberapa hal melibatkan halal dan haram kerana masyarakat kurang jelas dan adakalanya masyarakat sendiri meragui sejauhmana halalnya perkara tersebut.

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran

Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmud. 2012. Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia. *Shariah Journal*. 20(3):271-288.

Al-Ghazali, 1998. Halal dan Haram dalam Islam. KL: Jasmine Ent.

Al-Qardhawi, Yusuf, 2002. *al-Halal wa al-Haram fi Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2001), *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam Dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, h. 14-19.

Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. 2014. Halalan Tayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. 1:103-120

Liziana Kamarul Zaman & Mariam Setapa. 2014. Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Akta Perihal Dagangan 2011.

Nor Arfah Mohd Ishak & Jasri Jamal, 2017. Peranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam Membantu Menguatkuasakan Logo Halal di Malaysia. *Consumer Health, Safety & Security*. 137-152.

Tun Abdul Hamid Mohamad. 2015. Pembangunan Industri Halal Di Malaysia Daripada Sudut Perundangan. Dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Dan Kewangan Islam 2015 (CMIEF 2015).

Wizarah al-Awqaf wa Shu'un al-Islamiyyah, 1990. Jld.18. Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah. Kuwait:  
Thaba'ah Zat al-Salasil.

Zulkifli Hassan.2007. Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan  
Pendakwaan.Konvensyen Kebangsaan Undang-undang: Isu Penguatkuasaan dan  
Pendakwaan. 11-12 Ogos 2007.1-21.

## **STATUT**

Dokumen: Focus Group Pengurusan Pensijilan Halal 2012, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga)

Akta Perihal Dagangan 2011